

Bab III : Latar Belakang Penuntut Malaysia Yang Belajar Secara Saradiri Di Jepun

3.1 Pengenalan

Kehadiran pelajar Malaysia di Jepun boleh disifatkan sebagai satu kecenderungan yang baru. Menurut UNESCO Statistical Year Book 1988, hanya 1.7% daripada 38,980 pelajar Malaysia yang belajar di negara asing berada di Jepun. Dalam bab ini akan dibincangkan mengenai keadaan pelajar Malaysia yang sedang belajar di Jepun sebagai pelajar saradiri. Di samping itu akan diuraikan juga faktor yang menarik dan menolak mereka untuk berhijrah ke negara tersebut.

3.2 Pelajar Malaysia saradiri

Sebilangan besar pelajar Malaysia di Jepun terdiri dari pelajar Cina dan golongan yang kedua besarnya ialah pelajar Melayu. Dari Statistik bilangan keahlian Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia di Jepun (PKPMJ), terdapat seramai 1,046 orang ahli persatuan dan angka ini diagihkan kepada 668 orang (63.9%) Pelajar Cina, 357 orang (34.1%) pelajar Melayu dan 21 orang (2.0%) adalah pelajar Malaysia dari kumpulan etnik lain.

Menurut Statistik Kementerian Pendidikan Jepun, sehingga 1990, terdapat 1544 pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke Jepun. Daripada jumlah itu, didapati 844 orang (54.7%) adalah pelajar persendirian.¹ Dari anggaran pengkaji pula, terdapat kira-kira 987 pelajar saradiri. (760 pelajar² kolej dan 227 pelajar pra-kolej) sedang belajar di Jepun.

Satu penemuan penting dalam kajian ini adalah didapati bahawa hampir semua (99%)³ pelajar saradiri adalah terdiri daripada pelajar Malaysia Cina, manakala lebih dari separuh pelajar yang memegang biasiswa kerajaan Jepun dan Biasiswa Kerajaan Malaysia (JPA) adalah Pelajar Malaysia Melayu.

Mengikut Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) pada tahun 1991, majoriti pelajar yang menuntut di seberang laut atas tajaan kerajaan adalah pelajar Bumipu-

1. Bilangan 844 orang ini tidak termasuk pelajar yang memegang biasiswa kerajaan Malaysia (446 orang) yang tergolong dalam kategori 'Pelajar Persendirian' dan angka tersebut hanya dirujuk pada kategori 'Pelajar kolej' sahaja. Sila rujukan lampiran 3.

2. Cara pengiraan adalah seperti berikut :-

- 3 andaian :
- a> 601 orang(90%) pelajar Malaysia Cina dalam PKPMJ adalah pelajar saradiri.
 - b> Dari keputusan kajian, hanya 60.9% dari Pelajar Saradiri menyertai PKPMJ.
 - c> Terdapat 760 orang(90%) dari pelajar persendirian (pelajar kolej sahaja) pada laporan rasmi Monbusho(1990) adalah Pelajar Saradiri.

$$\begin{aligned} \text{Bilangan Pelajar Saradiri Yang} & & & 601 \times 39.1\% \\ \text{Tidak menjadi ahli PKPMJ (x)} & = & & 60.9\% \\ & = & & 386 \text{ orang} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Pelajar Saradiri (y)} & = \text{Ahli PKPMJ} + \text{Bukan ahli PKPMJ} \\ & = 601 + 386 \\ & = 987 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Pelajar Saradiri (y)} & = \text{Pelajar kolej} + \text{Pelajar Pra-} \\ & & & \text{Kolej(z)} \\ 987 & = 760 + z \\ z & = 227 \end{aligned}$$

3. Dalam kajian ini didapati semua responden yang telah ditemui adalah pelajar Malaysia Cina. Akan tetapi tidak satu angka statistik yang rasmi, maka adalah lebih moderate bagi Pengkaji tidak memberi satu peratusan yang bulat.

tera. Hakikat ini timbul kerana keperluan untuk memperbaiki keadaan yang tidak seimbang dari segi ekonomi, tetapi kekurangan bantuan dalam bentuk biasiswa atau dermasiswa yang diberi kepada bukan Bumiputera telah membangkitkan perasaan pengasingan di kalangan mereka.

Dalam kajian ini, didapati bahawa kebanyakan pelajar saradiri adalah berasal dari Malaysia barat (93.3%) seperti dari Perak (31.2%), Johor (21.9%), Selangor (18.8%), Pulau Pinang (9.4%) iaitu negeri-negeri yang mempunyai penduduk Cina yang utama. Kawasan ini pula berdekatan dengan bandar-bandar besar dimana maklumat mengenai pengajian di Jepun mudah didapati.

Dari segi latarbelakang keluarga pelajar tersebut, didapati ibubapa mereka boleh digolongkan ke dalam kelas menengah yang berpendapatan purata \$2,027.00 sebulan. Lebih dari separuh ibubapa ini adalah bekerja dalam bidang perniagaan (64.0%).

Negara Jepun adalah salah sebuah negara perindustrian termaju di dunia. Perindustrian yang giat sejak abad lalu ini telah mendorongkan ramai pelajar asing melanjutkan pelajaran di pusat pengajian Jepun. Begitu juga dengan pelajar Malaysia yang berada di negeri itu. Mereka mengikuti kursus ekonomi, perdagangan, pengurusan pentadbiran dan kejuruteraan. Ini adalah sejajar dengan matlamat dasar pandang ke Timur dan keperluan tenaga mahir di pasaran ekonomi yang akan menuju ke arah Wawasan 2020. Agihan kursus yang diikuti pada tahun 1989 adalah seperti dalam jadual 5 (1.2.3.4).

Jadual 5.1 : Sekolah Graduan (Kursus Ijazah Tinggi) 1989

	Pelajar Monbusho			Pelajar Persendirian			Jumlah		
	L	P	J	L	P	J	L	P	J
a. Kursus :									
1. Sastera	1	1	1	1	1	1	2	2	4
2. Sains Sosial	13	8	21	8	4	12	21	12	33
3. Sains	-	2	2	1	-	1	1	2	3
4. Kejuruteraan	34	4	38	13	1	14	47	5	52
5. Pertanian	18	2	20	4	-	4	22	2	24
6. Pendidikan	-	1	1	-	1	1	-	2	2
7. Seni & Muzik	-	-	-	1	-	1	1	-	1
Jumlah	68	19	87	28	7	35	96	26	122
b. Pendenger & Penyelidik	2	5	7	1	3	4	3	8	11
Jumlah Besar	70	24	94	29	10	39	99	34	133
	=====			=====			=====		

Jadual 5.2 : Peringkat Universiti (Ijazah Pertama)

	Pelajar Monbusho			Pelajar Persendirian			Jumlah		
	L	P	J	L	P	J	L	P	J
a. Jabatan Am:									
1. Sastera	1	2	3	4	11	13	5	13	18
2. Sains Sosial	18	18	36	216	95	311	234	113	347
3. Sains	1	-	1	4	-	4	5	-	5
4. Kejuruteraan	37	9	46	322	80	402	359	89	448
5. Pertanian	2	1	3	13	3	16	15	4	19
6. Perubatan/ Pergigian	-	-	-	3	-	3	3	-	3
7. Kesihatan & Kebersihan	1	1	2	-	1	1	1	2	3
8. Pendidikan	-	-	-	1	2	3	1	2	3
9. Lain-lain	2	-	2	5	-	5	7	-	7
Jumlah	62	31	93	568	192	760	630	223	853
b. Kursus Khusus	3	3	6	11	2	13	14	5	19
c. Penyelidik & Pendengar	10	3	13	6	8	14	16	11	27
Jumlah Besar	75	37	112	585	202	787	660	239	899
	=====			=====			=====		

Jadual 5.3 : Kolej Rendah

	Lelaki	Perempuan	Jumlah
a.Kursus :			
1.Sastera	3	-	3
2.Sains Sosial	2	3	5
3.Kejuruteraan	6	-	6
4.Sains R/tangga	-	1	1
5.Pendidikan	-	1	1
Jumlah	11	5	16
b.Kursus Khusus	-	2	2
Jumlah Besar	11	7	18
	=====	=====	=====

Jadual 5.4 : Kolej Teknologi

	L	P	J
Kolej Kebangsaan	96	6	102
	=====	=====	=====

Sumber : Monbusho (The Ministry of Education), "The Investigating Report about the Fundamental School Education 1989", The Ministry Finance Printing Burean ,1990.p.160-173, 246-247 & 164.

Dari jadual diatas, didapati bahawa di peringkat sarjana muda terdapat 49.8% (448 orang) yang mengambil kursus kejuruteraan dan 38.6% (347 orang) pula mempelajari kursus sains sosial. Bidang Sains Sosial termasuk kursus ekonomi, perdagangan, pengurusan dan pentadbiran. Sebilangan kecil sahaja yang mengikut kursus pertanian, sastera , sains tulen, perubatan, pergigian dan lain-lain lagi. Ini adalah kerana bidang perniagaan dan sains teknologi telah lama terkenal di Jepun jika dibandingkan dengan bidang lain.

Seperti yang telah dijelaskan dalam bab 2, peraturan Monbusho mensyaratkan pelajar asing yang ingin memasuki universiti di Jepun mesti telah menerima 12 tahun pendidikan di negara asalnya atau tamat pengajian di peringkat sekolah menengah atas atau kelayakan yang setaraf dengannya. Bagi sistem pendidikan di Malaysia, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak diterima sebagai satu kelayakan memasuki universiti di Jepun, walaupun sesetengah pelajar menduduki kelas peralihan di sekolah menengah Jenis kebangsaan yang mempunyai 12 tahun pendidikan.

Dalam hal ini, Kedutaan Jepun di Malaysia telah membuat penjelasan dan mengatakan bahawa hanya Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang dijadikan kelayakan kemasukan universiti di Jepun. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini didapati ada pelajar Malaysia yang memegang SPM telah masuk universiti. Oleh itu, boleh dikatakan tidak ada satu jawapan yang pasti mengenai hal itu dan ia bergantung kepada pihak universiti yang dimohon.

Pada umumnya, terdapat tiga cara bagi pelajar Malaysia yang memegang SPM untuk memasuki universiti, iaitu :

- a. Memasuki kursus Bahasa Jepun di International Student Institute (ISI) atau International Student Institute Kansai (ISIK) selama satu tahun dan ia akan dikira satu tahun pendidikan oleh Kementerian Pendidikan Jepun.

- b. Mendapatkan satu surat pengesahan yang mengakui pelajar tersebut telah menamatkan 12 tahun pendidikan di negara asalnya.
- c. Mengemukakan surat pengesahan dari pihak sekolah menengah di Malaysia.

Bila disentuh tentang keputusan yang akan dibuat jika peluang pilihan semula diberi antara Malaysia dengan Jepun sebagai tempat belajar mereka, didapati ada 53 orang (82.8%) akan memilih negara Jepun, hanya 10 orang (15.6%) sahaja memilih Malaysia dan 1 orang (1.6%) tidak memberi jawapan. Ini bermakna segolongan besar pelajar Malaysia lebih suka melanjutkan pelajaran ke luar negeri untuk memperolehi ilmu pengetahuan baru dari luar.

Di samping itu, terdapat 41.7% responden akan menggalakkan kawannya di Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran di luar negeri supaya memilih Jepun sebagai tempat utama, 33.3% responden lagi mungkin berbuat demikian, manakala 16.7% pula mungkin tidak berbuat demikian, dan 8.3% memang langsung tidak akan menggalakkan kawannya belajar di Jepun.

Selain daripada itu, sebilangan besar pelajar ini (71.9%) bercadang untuk bekerja di Jepun selepas tamat pengajian mereka kerana ingin memperolehi pengalaman pekerjaan di Jepun terlebih dahulu sebelum kembali ke tanah air (36.9%), belajar sistem pentadbiran Jepun (26.1%), gaji lumayan (19.6%), suka negara Jepun (6.5%) dan lain-lain. Manakala 23.4% pelajar lain tidak berminat bekerja di

Jepun dan 4.7% pelajar lagi tidak memberi apa-apa komen. Mereka berpendapat bahawa kos hidup serta tekanan kerja adalah tinggi di Jepun dan mereka akan lebih gembira bekerja di tanah air sendiri.

3.3 Faktor Penarik Dan Penolak

Willian K. Cummings (1985:118) telah mengemukakan dua perspektif teori tentang dorongan pelajar asing di dunia kini. Yang pertama ialah pendekatan 'interdependence' yang menekankan pertambahan saling berhubungan dalam negara-negara, manakala pendekatan 'development' pula menitikberatkan proses dalam negeri.

Faktor penarik dan penolak yang mendorong pelajar Malaysia ke Jepun ialah :-

A. Faktor-faktor Penarik :

1. Peluang mendapatkan kerja sampingan (Arubaito) di Jepun.
2. Konsep 'Internasionalisasi' pendidikan Jepun.
3. Kemajuan Sains dan Teknologi Jepun.
4. 'Dasar Pandang Ke Timur'

B. Faktor-faktor Penolak :

1. Universiti tempatan tidak cukup ruang untuk menerima semua pemohon.
2. Sistem pendidikan Sekolah Swasta Cina (Du Zhong)
3. Sifat identiti orang Cina yang 'opportunistic'

3.3.1 Faktor-faktor-Penarik

Ini berkaitan dengan polisi kerajaan Malaysia serta keadaan di Jepun yang menarik pelajar saradiri ini melanjutkan pelajaran ke sana.

A. Peluang mendapatkan kerja sampingan (Arubaito)

Negara Jepun adalah satu-satu negara maju yang membenarkan pelajar asing melakukan kerja sampingan di masa lapang. Menurut Kementerian Kehakiman Jepun, seseorang pelajar asing yang ingin berkerja sampingan hendaklah memohon permit kerja dan masa dibenarkan adalah tidak lebih dari 20 jam seminggu.

Kadar pengangguran di Jepun adalah amat rendah. Berbagai bidang pekerjaan mengalami kekurangan kakitangan. Peluang inilah yang diambil oleh pelajar asing melakukan arubaito untuk menyara diri. Situasi ini telah membuka satu peluang keemasan bagi pelajar asing yang tidak berkemampuan untuk melanjutkan pelajaran ke Jepun.

Dalam kajian ini, terdapat 54 orang (84.4%) yang mengatakan mereka datang ke Jepun kerana ada peluang belajar sambil bekerja. Hanya 10 orang (15.6%) yang menafikannya.

B. 'Dasar Pandang ke Timur'


Hubungan perdagangan antara Malaysia dan Jepun semakin meningkat dan menjadi agresif semenjak awal tahun 1980-an ketika Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melancarkan 'Dasar Pandang Ke Timur' pada tahun

buran Jepun sejak itu melimpah masuk ke negara
 1990 jumlahnya \$4.2 billion, iaitu pertambahan
 li ganda daripada pelaburan tahun sebelumnya.

ngga hari ini, Jepun telah menjadi negara rakan
 yang utama bagi Malaysia. Hal ini dapat dilihat
 h 4 dan jadual 6 dibawah :-

Pelaburan Asing (Jepun Taiwan dan Korea Selatan)
 di Malaysia 1986-1990

QUICKTAKE *64 11.11*
 Facts that figure



Dipetik dari New Straits Time ,4hn Jun 1991

: Pelaburan Pembuatan Jepun Di Malaysia


Projek Diluluskan	Jangkaan Pekerjaan
82	17,000
127	31,000
134	40,000

r : MIDA / JOECF . Dipetik dari Berita Harian
 26hb April 1991.

1982. Pelaburan Jepun sejak itu melimpah masuk ke negara ini. Pada 1990 jumlahnya \$4.2 billion, iaitu pertambahan hampir 2 kali ganda daripada pelaburan tahun sebelumnya.

Sehingga hari ini, Jepun telah menjadi negara rakan perniagaan yang utama bagi Malaysia. Hal ini dapat dilihat pada rajah 4 dan jadual 6 dibawah :-

Rajah 4 : Pelaburan Asing (Jepun, Taiwan dan Korea Selatan) di Malaysia 1986-1990



Sumber : Dipetik dari New Straits Time ,4hn Jun 1991

Jadual 6 : Pelaburan Pembuatan Jepun Di Malaysia

Tahun	Projek Diluluskan	Jangkaan Pekerjaan
1988	82	17,000
1989	127	31,000
1990	134	40,000

Sumber : MIDA / JOECF . Dipetik dari Berita Harian
26hb April 1991.

Kehadiran pesat pelaburan Jepun di Malaysia telah memberi peluang dan kesempatan pekerja kita mempelajari cara pengurusan dan teknologi tinggi negara Jepun. Keadaan ini telah menggalakkan pelajar Malaysia belajar di Jepun untuk menyediakan diri bagi mendapat pekerjaan yang baik. Dari pandangan mereka, ini adalah satu kelebihan jika dapat memahami bahasa Jepun serta kemahiran corak kejepunan semasa bekerja di syarikat Jepun di Malaysia.

Selain daripada itu, pendirian kerajaan kita terhadap negara Jepun turut menjadi satu faktor yang telah merangsangkan pelajar kita belajar ke Jepun. Dalam ucapannya semasa melancarkan persembahan 'Close-up of Japan, Kuala Lumpur 1991' di Putra World Trade Centre pada 24hb April 1991. Perdana Menteri telah berkata ;

" Malaysian students had received higher education and training in the 'Land of the Rising Sun' and returned to Malaysia, not only fluent in the Japanese language but gainfully employed in Japanese companies here."

(New Straits Time, 25hb April 1991)

Menurut beliau lagi,

" The opening of factories by Japanese investors has created employment opportunities for our youth while the presence of Japanese staff who manage these firms have allowed Malaysians to learn Japanese management skills and their high technology."

Dorongan untuk belajar di Jepun juga diberikan oleh bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang merasmikan Worksyop Pengajian Tinggi Jepun di Kuala Lumpur pada 19hb. April 1991, Beliau berkata ;

" Pelajar kita perlu meneroka rahsia kejayaan Jepun dalam perbagai bidang, khususnya Sains dan Teknologi tinggi. Tetapi ini tidak bermakna kita akan meniplak semua tradisi Jepun kerana kita mempunyai identiti sendiri. Apa yang penting ialah mempelajari perkara tertentu yang boleh meningkatkan kemajuan kita sendiri dari negara itu. "

(Berita Harian, 10hb. Feb 1991)

C. Konsep 'Internasionalisasi' Pendidikan Jepun

Sejak 1980-an, kerajaan Jepun telah melaksanakan konsep 'Internasionalisasi' pendidikan Jepun ke dunia luar. Proses itu digiatkan lagi selepas ' Overseas Students Policies for the 21th century ' yang dilancarkan pada Jun. 1984.

Oleh itu, Jepun berusaha keras dan mengatur berbagai strategi untuk mencapai matlamat itu. Satu daripadanya ialah dengan melaksanakan konsep 'pergi kepada pelajar asing' itu walau dimana saja mereka berada melalui worksyop pengajian Tinggi Jepun (WPTJ). Konsep yang agak unik ini sudah dilaksanakan sejak tahun lalu dan membawa tindakbalas yang menggalakkan. Pada Feb. 1991, worksyop itu diadakan di Kuala Lumpur.

Langkah mendapatkan lebih ramai pelajar asing telah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh menerusi beberapa agensi seperti Persatuan Antarabangsa Jepun (AIEJ) dengan bantuan Kementerian Pendidikan Jepun. Begitu juga dengan agensi perwakilan sekolah Bahasa Jepun di luar negeri. Kerajaan Jepun percaya hanya pendidikan boleh membantū manusia mencapai perdamaian.

3.3.2 Faktor-faktor Penolak

Ini berkaitan dengan keadaan dalam Malaysia yang mendesak golongan tersebut supaya berhijrah ke Jepun untuk belajar.

A. Tempat yang terhad di Universiti Tempatan

Pada asasnya, pelajar kita yang melanjutkan pengajian di luar negeri adalah berhasrat untuk mengaut sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dari luar. Di samping itu, ada sebab-sebab lain yang menyebabkan pelajar Malaysia dihantar ke luar negeri. Ada yang pergi kerana kecewa dengan keadaan di dalam negara sendiri. Mereka ke luar negeri atas biayaan keluarga bagi yang mampu atau bekerja sampingan untuk menyara diri.

Gejala 'putus asa' ini sebenar sukar dielakkan. Antara sebab utama adalah universiti tempatan tidak cukup ruang untuk menerima semua pelajar yang memohon. Alasan penolakan permohonan itu adalah banyak. Antaranya :-

- i. Tempat terlalu terhad berbanding dengan jumlah pemohon.
- ii. Kuota negeri, bumiputera, bukan bumiputera sudah penuh.
- iii. Kursus yang diminta dalam permohonan tidak sesuai dengan kelulusan.
- iv. Kursus yang diminta menerima terlalu ramai pemohon sehingga sebilangan pemohon terpaksa ditolak. (bukan kerana pemohon tidak layak atau kuota sudah penuh).
- v. Kesilapan-kesilapan teknikal .

Timbalan Menteri Pendidikan, Dr.Fong Chan Onn dalam ucapannya semasa melancarkan program berkembar Institut Pengurusan Malaysia dengan Royal Melbourne Institute of Technology pada 6hb.Julai,1991. berkata :

" Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan hanya dapat menampung kira-kira 30% daripada jumlah calon yang layak memasuki institusi-institusi berkenaan setiap tahun. Tahun lalu sahaja, daripada 24,000 permohonan yang layak, hanya 10,652 diterima masuk ke institusi-institusi Pengajian tinggi. Secara puratanya, kerajaan hanya dapat menerima seorang daripada setiap tiga atau empat permohonan yang layak setiap tahun."

(Berita Utusan Malaysia, 7hb. Julai 1991)

Jadual 7 telah menunjukkan bilangan peningkatan permintaan tempat memasuki universiti tempatan dan jumlah peratusan penerimaannya mengikut tahun-tahun tertentu.

Jadual 7 : Bilangan Dan Peratusan Universiti Tempatan

Tahun	Bil.Pemohon	Bil.Kemasukan	Bil.Penolakan	% Penerima
1978	13,194	4,620	9,294	33.2
1979	15,098	5,256	9,823	34.9
1980	12,735	5,501	7,234	43.2
1981	16,698	5,646	10,851	35.0
1982	19,522	6,127	13,395	31.4
1983	28,858	6,891	21,968	23.9
1984	32,162	7,192	24,970	22.4
1985	32,209	8,213	23,996	25.5
1986	30,973	8,397	22,576	27.1
1987	27,658	9,289	18,369	33.6
1988	24,155	9,170	14,985	37.9
1989	23,331	9,395	13,936	40.3

Sumber : Column Datuk Mohamed Sophe. Star, 7hb April 1991.

Menurut Dr.Fong Chan Onn lagi, buat masa ini hanya 55,000 atau 43% daripada jumlah pelajar negara ini dapat diterima ke institusi-institusi Pengajian Tinggi Tempatan, manakala 73,000 atau 57% lagi terpaksa mengikuti pengajian di luar negeri. Walaupun Kos pembiayaan para pelajar ke Jepun berlipat ganda banyaknya daripada pembiayaan pelajar di universiti-universiti tempatan, namun demikian, bilangan yang belajar di luar negeri tidak pernah menurun.

Dari jadual 7, jelas bahawa universiti tempatan masih belum mencukupi. Di negara-negara maju, nisbah antara sebuah universiti dan penduduk ialah 1 : 1,000,000 . Tetapi negara kita masih tidak mampu berbuat demikian kerana orientasi akademik dan sumber pengajar masih belum mencapai keadaan seperti di negara-negara maju.

B. Sistem Pendidikan Sekolah Swasta Cina (Du Zhong)

Sekolah menengah swasta Cina (Du Zhong) merupakan satu kumpulan besar dalam senarai sekolah swasta di negara kita. Ia mempunyai jumlah sebanyak 60 buah sekolah (37 buah di semenanjung dan 23 lagi di Malaysia Timur) dengan murid seramai 48,995 orang pada tahun 1985.

Dari segi sistem pendidikannya, 'Dong Jiao Zong'⁴ (UCSCAM dan UCSTAM) telah memperkenalkan 6 matlamat utama pelajaran. Secara ringkasnya,

- a) Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama.
- b) Memperkenalkan pelajaran bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dengan syarat tidak mengganggu pelajaran bahasa ibunda.
- c) mengekalkan keunggulan dalam subjek matematik dan sains.
- d) Sukatan pelajaran mesti memenuhi situasi kebangsaan.
- e) Peperiksaan kerajaan tidak diutamakan.
- f) Sistem Sekolah tidak harus dijadikan sebagai sekolah Teknikal dan sekolah vokasional, tetapi boleh disediakan atas keperluan sekolah.

4. 'Dung Jiao Zong' adalah gabungan dua pertubuhan Cina iaitu UCSTAN (United Chinese School Teachers Association of Malaya) dan UCSCAM (United Chinese School Committees Association of Malaya)

Pada umumnya, seorang murid Du Zhong perlu menghadiri tiga jenis peperiksaan iaitu 'Unified Examination', A level dan peperiksaan kerajaan seperti SRP dan SPM. Boleh dikatakan matlamat sistem pendidikan sekolah swasta Cina adalah tidak sehaluan dengan sistem sekolah kebangsaan. Oleh itu, terdapat sekumpulan besar murid itu tidak layak dan tidak sesuai memasuki universiti tempatan. Universiti luar negeri menjadi pilihan mereka.

Selain dari negara Taiwan, Jepun telah menjadi salah sebuah negara yang diminati oleh murid sekolah tersebut. Ini adalah kerana golongan pelajar tersebut berlatarbelakang 'budaya-kanji' yang memudahkan mereka belajar bahasa Jepun. Dalam kajian ini, terdapat 28 orang (43.7%) adalah berasal dari sekolah swasta cina, 22 orang (34.4%) dari sekolah menengah jenis Kebangsaan (S.M.J.K.) dan 14 orang (21.9%) dari Sekolah menengah kebangsaan (S.M.K.).

Tambahan lagi, sistem pendidikan swasta cina adalah serupa dengan sistem pendidikan di Jepun. Sekolah menengah cina menawarkan 6 tahun sistem pendidikan menengah : 3 tahun tingkatan bawah (Junior middle) dan 3 tahun lagi tingkatan atas (senior middle). Sistem ini berkelayakan memasuki institusi pengajian tinggi di Jepun.

C. Sifat Identiti Orang Cina Yang 'opportunistic'

Orang cina biasa disifatkan sebagai golongan yang 'opportunistic'. Mereka sentiasa berubah pendiriannya dalam keadaan yang tidak menyenangkan dan bergerak ke sana-sini semata-mata untuk mencari peluang untuk mencapai matlamat dan tujuan mereka sendiri.

Pendidikan di pandang oleh masyarakat cina sebagai satu perkara yang amat penting untuk mobiliti sosial. Tetapi dalam sistem pendidikan Malaysia, peluang kemasukan pelajar Cina ke Institusi Pengajian tinggi tempatan telah disekat oleh sistem kuota serta persaingan hebat antara pelajar cina itu sendiri. Maka, dalam keadaan sedemikian, identiti orang cina ini telah mendorong mereka mengorak langkah ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa ramai pelajar cina belajar ke luar negeri disebabkan keluarga mereka mampu membiayai mereka, tetapi bagi pelajar saradiri di Jepun adalah lebih didorongkan oleh sifat yang 'opportunistic' ini.

Menurut laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara tahun ini (1991:78), 51.3% (21,733 orang) daripada jumlah Pelajar Malaysia di luar negeri adalah pelajar Cina dan kebanyakan daripada bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Institute Pengajian Luar Negeri adalah pelajar persendirian yang menanggung perbelanjaan mereka sendiri. Jadual 8 dapat menunjukkan keadaan itu.

Jadual 8 : Bilangan Pelajar Di Peringkat Diploma dan Ijazah Di Luar Negeri Mengikut Ras (1988)

Peringkat	Ras	Jumlah	Dalam Negeri (%)	Luar Negeri (%)
Diploma	Melayu	27,965	24,029 (74.3%)	3,136 (37.0%)
	Cina	11,874	7,466 (22.3%)	4,408 (52.0%)
	India	1,756	908 (2.7%)	848 (10.0%)
	Lain-lain	279	195 (0.6%)	84 (1.0%)
Ijazah	Melayu	44,616	30,085 (60.4%)	14,531 (34.3%)
	Cina	37,602	15,869 (31.9%)	21,733 (51.3%)
	India	9,280	3,587 (7.2%)	5,693 (13.4%)
	Lain-lain	673	249 (0.5%)	424 (1.0%)

Sumber : Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990. Dipetik dari Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara. 1991.hlm.80.

Bagi pelajar Malaysia Cina yang memilih negara Jepun, salah satu sebab adalah 'budaya ketimuran' masyarakat Jepun agak serupa dengan masyarakat Cina. Adalah lebih senang menyesuaikan diri dalam masyarakat Jepun.

Mungkin faktor ini tidak dapat diterima oleh pengkaji lain. Namun demikian, faktor ini adalah tetap mempunyai kebenarannya, memandangkan mengapa fenomena itu jarang berlaku di masyarakat India, masyarakat Melayu atau masyarakat lain? Hal ini jelas kelihatan dalam tinjauan sejarah penghijrahan orang Cina ke rantau ini dan pengaliran keluar tenaga Cina di bidang profesional ke luar negeri sejak masa kebelakangan ini adalah semata-mata didorong oleh orang Cina yang 'opportunistic'.

Secara ringkasnya, dalam kajian ini, sebab-sebab yang dibenarkan oleh responden tentang pemilihan negara Jepun sebagai tempat pengajian dapat disimpulkan seperti dalam rajah 5.

Rajah 5 : Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelajar Malaysia Saradiri Belajar Ke Jepun

Ruang kemasukan Universiti tempatan terhadap
'Dasar pandang ke Timur'

Pelaburan Jepun di Malaysia

Budaya Kanji

Sistem Pendidikan Swasta cina ——— Faktor Dalaman

Galakan orang lain

Belajar Bahasa Jepun

Taraf ekonomi Keluarga

Sistem Kuota

Wawasan 2020

Melanjutkan
Pelajaran ke Jepun
sebagai pelajar saradiri

Negara yang berteknologi moden

Sistem perusahaan perniagaan maju

Arubaito (belajar sambil bekerja)

Ingin bekerja di syarikat di Jepun

Negara aman dan selamat

'Oversea Students Policies for

21th century'

Kemasukan Pusat pengajian Terbuka

Budaya Ketimuran

Faktor Luaran
(Jepun)

Boleh dikatakan, pelajar Malaysia belumba-lumba melanjutkan pelajaran ke Jepun dengan motif dan matlamat yang tertentu. Dalam kajian ini, terdapat empat motif utama yang mendorong golongan pelajar saradiri itu melanjutkan pelajaran di Jepun, iaitu ; memperoleh ijazah (6.5%), belajar bahasa Jepun (66.7%), belajar kebudayaan Jepun (29.2%), belajar skil tertentu selain dari bahasa (27.7%) dan lain-lain (8.3%). Adalah difahamkan bahawa hanya terdapat 62.5% pelajar ini berhasrat untuk memperoleh ijazah kerana tidaklah semua pelajar Malaysia di Jepun berkecukupan memasuki peringkat universiti. Maka kolej teknikal atau kolej profesional lain menjadi tempat pengajian mereka.